

Rancang kerjaya dari awal

KERJAYA

Oleh Khairul Azizi Elias
bhvarsiti@bharian.com.my

PERANCANGAN kerjaya adalah suatu perkara penting yang perlu didedahkan kepada mahasiswa sejak awal pengajian agar mereka lebih jelas mengenai hala tuju kerjaya masa depan.

Menyedari keperluan itu, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menerusi Unit Psikologi Kaunseling dan Kerjaya (UPKK), Kementerian Pengajian Tinggi serta Majlis Kaunseling dan Kerjaya Universiti-universiti Awam Malaysia (MAKUMA) mengambil inisiatif menganjurkan Seminar Perancangan Kerjaya Mahasiswa Peringkat Kebangsaan 2011 di kampus Usim, Nilai, baru-baru ini.

Bertemakan Kenal Diri, Rancang Kerjaya, seminar berjaya memberi pendedahan kepada mahasiswa tahun pertama meneroka peluang dan prospek kerjaya bersesuaian dengan latar belakang, minat dan kemahiran yang mereka miliki.



SEBAHAGIAN mahasiswa yang menyertai Seminar Perancangan Kerjaya Mahasiswa Peringkat Kebangsaan 2011 di kampus USIM, Nilai, baru-baru ini.

Program julung kali itu disertai lebih 400 mahasiswa institusi pengajian tinggi awam dan swasta dengan majlis perasmian disempurnakan

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Abu Bakar Abdullah.

Berucap pada majlis itu,

Abu Bakar berkata, program berkaitan kerjaya sering kali membabitkan mahasiswa tahun akhir dan jarang sekali mahasiswa tahun pertama

“Kita perlu mengubah minda mahasiswa mengenai kerjaya dan pendedahan mengenainya perlu diberikan di peringkat awal pengajian agar mereka dapat menentukan hala tuju kerjaya yang terbaik”

Abu Bakar Abdullah
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Jabatan Perkhidmatan Awam

berminat untuk berkongsi pengetahuan kerjaya di peringkat awal.

Katanya, rata-rata universiti lebih menekankan kepada program *finishing school* sehingga ada kalanya meminggirkan kepentingan program *starting school* kepada mahasiswa.

“Kita perlu mengubah minda mahasiswa mengenai kerjaya dan pendedahan mengenainya perlu diberikan di peringkat awal pengajian agar mereka dapat menentukan hala tuju kerjaya yang terbaik.

“Penganjuran seminar sebegini wajar diperluas kepada mahasiswa tahun pertama

bagi memberi peluang kepada mereka mencungkil bakat pengalaman dan kemahiran berkaitan kerjaya lebih awal.

“Kesan dan impak perancangan kerjaya pada saat akhir pengajian kurang berkesan kerana mahasiswa pastinya lebih sibuk menghabiskan tesis, menjalani latihan industri selain persiapan menghadapi peperiksaan akhir,” katanya.

Dengan pengisian jelas mengenai prospek kerjaya mengikut bidang pengajian, katanya, ini dapat membantu mahasiswa melaraskan minda terhadap pilihan kerjaya masa depan.